

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 APRIL 2017



ZULKIFLI MUHAMAD AL-BAKRI (kiri) menyerahkan kitab *Irsyad al-Fatwa* kepada Perdana Menteri, sambil diperhatikan oleh Jamil Khir Baharom (dua dari kanan) dan Othman Mustapha (kanan).

UM-18/4/2017

PM lancar kitab *Irsyad al-Fatwa*

PERDANA Menteri, **Datuk Seri Najib Tun Razak** baru-baru ini melancarkan kitab *Irsyad al-Fatwa* hasil penulisan Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli Muhammad al-Bakri di Putrajaya.

Kitab yang mengumpulkan sebanyak 1,070 kompilasi soal jawab menerusi tujuh jilid buku itu meliputi pelbagai bidang agama termasuk Akidah, Fikah, Usul Fiqh, Sirah dan Hadis.

Perdana Menteri berkata, penerbitan buku berskala besar itu sangat diperlukan dalam usaha menyelesaikan segala permasalahan baharu membabitkan agama yang melanda dalam kalangan umat Islam masa kini.

“Tidak lupa juga, ia turut menyentuh perbahasan Maqasid Syariah dan mengangkasakan tema wasatiyyah seperti gagasan kerajaan dalam meraikan pelbagai sudut pandang dalam menjawab persoalan

umat Islam.

“Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Mufti Wilayah Persekutuan dan kakitangan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan serta semua pihak yang terlibat sehingga lahirnya karya bermanfaat ini.

“Usaha sebegini perlu diteruskan dan dipertingkatkan bagi menyelesaikan masalah umat yang makin meruncing dengan pelbagai isu baharu,” katanya demikian ketika melancarkan kitab *Irsyad al-Fatwa* selepas majlis pertemuan bersama mufti seluruh Malaysia.

Yang turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Ketua Pengarah Jakim, Tan Sri Othman Mustapha.

Kesemua kompilasi soal jawab dalam kitab *Irsyad Al-Fatwa* itu mengambil masa 15 tahun untuk disempurnakan.